

# 167 peniaga tidak puas hati, rasa teraniaya

FOTO | Nik Hariff Hassan

**K**UALA LUMPUR: Terkejut dan tidak berpuas hati. Itu yang dirasakan kira-kira 167 peniaga yang menyewa di pusat beli-belah Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) apabila mereka diberitahu perlu berpindah keluar daripada bangunan berkenaan sebelum hujung tahun ini.

Meskipun perasaan tidak senang itu sudah dilahirkan dalam satu memorandum dihantar minggu lalu menuntut perbincangan dengan pemilik bangunan, Uda Holdings Bhd (Uda), namun penjelasan syarikat berkenaan pada sesi dialog semalam tetap gagal menggembirakan hati mereka.

Wakil penyewa, Hassan Saad berkata, mereka rasa seperti teraniaya dan tiada keadilan apabila penjelasan Uda seolah-olah putus asa dan mahu menyerahkan bangunan pusat beli-belah itu bagi kerja pembangunan stesen Myrapid Transit (MRT)



**MARAH...penyewa BB Plaza melahirkan perasaan tidak puas hati ketika sesi dialog bersama Uda diadakan, semalam.**

oleh MRT Corporation.

"Kami tidak menafikan pentingnya projek ini, ia agenda nasional dan kami tidak menghalang, tetapi penjelasan yang keluar daripada Uda mengejut, minta kami keluar menjelang hujung tahun sedangkan kenyataan MRT Corp sebelum ini

mengatakan BB Plaza tak terbabit, hanya sebahagian saja.

"Itu pun kami baca daripada laporan media sebab itu desak perjumpaan (semalam) diadakan untuk tahu duduk perkara sebenar. Kita rasa tak adil kepada penyewa, tapi apa boleh buat.

"Kami berharap Uda sampaikan kepada MRT Corp supaya menanggungkan pembinaan projek sehingga selepas Aidilfitri kerana sedar jika kerja pembinaan dimulakan akan menutup sebahagian besar laluan masuk, ia boleh jejaskan perniagaan kami," katanya.